

# Majlis Fatwa nafi lewat bertindak isu 'jihad' IS

» *Jawatankuasa sentiasa proaktif usaha atasi ekstremis Islam*

Oleh Nazura Ngah  
nazura\_ngah@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**F**atwa berhubung penyertaan umat Islam negara ini dalam perjuangan bersenjata militan Negara Islam (IS) atas nama jihad yang disifatkan bertentangan syarak, selain kematian bukan mati syahid diputuskan sejak Oktober lalu.

Ketetapan Majlis Fatwa Kebangsaan itu diputuskan melalui Muazakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-106 di Kuala Te-

rengganu, sekali gus menafikan dakwaan badan pengeluar fatwa pada peringkat kebangsaan itu ketinggalan dalam menangani isu perkembangan semasa berkaitan agama khususnya penyertaan umat Islam dalam kumpulan militan

Pengerusi Jawatankuasa Fatwa, Prof Emeritus Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin, berkata ketetapan itu diputuskan selepas majlis berkenaan menjalankan penyelidikan terhadap bahaya aktiviti militan IS sejak Julai lalu hasil maklumat Kementerian Luar, pihak keselamatan dan tokoh agama, termasuk dari luar negara yang sebahagian besar menyatakan gerakan IS bercanggah dengan ajaran Islam.

Selain menjadi entiti pertama membuat kajian terhadap aktiviti IS, beliau berkata, mereka juga berhati-hati sebelum membuat keputusan dengan merujuk bu-

kan saja penyelidik tempatan, malah bahagian fatwa kerajaan Arab Saudi.

## Tak ikuti perkembangan

"Saya lihat (Prof Datuk) Dr Mahmood (Zuhdi Abdul Majid) tidak mengikuti perkembangan dalam isu ini sedangkan menteri (Datuk Seri Jamil Khir Baharom) sudah mengumumkan ketetapan dibuat Majlis Fatwa Kebangsaan," katanya kepada *BH*.

Beliau mengulas kenyataan Mahmood Zuhdi yang juga Pengerusi Majlis Dakwah Negara (MDN) yang menggesa Majlis Fatwa Kebangsaan bertindak lebih proaktif bagi menangani golongan yang cenderung menyertai kumpulan ekstremis dalam negara.

Mahmood Zuhdi dilaporkan berkata, majlis itu kini dilihat agak ketinggalan dalam menangani isu perkembangan semasa

berkaitan agama khususnya penyertaan umat Islam dalam kumpulan militan di negara ini.

Abdul Shukor berkata, selaku Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, beliau sudah tiga kali muncul di televisyen bagi memberikan pencerahan dan penerangan kepada rakyat berhubung aktiviti militan IS sejak Oktober lalu.

Di samping itu, katanya menerusi bahagian pengurusan fatwa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), pihaknya menganjurkan pendidikan fatwa bagi memberi penjelasan kepada masyarakat Islam berhubung isu IS.

## Kuasa terbatas

Mengulas lanjut, beliau menegaskan Majlis Fatwa Kebangsaan mempunyai kuasa yang terbatas dalam aspek penguatkuasaan.

"Dalam isu menangani kumpulan militan, kita tidak perlu retorik atau mendabik dada mendakwa kita sudah melakukan sesuatu untuk menghadapi perkara itu.

"Yang lebih penting adalah sama-sama memainkan peranan sebagai rakyat Malaysia dan umat Islam untuk memastikan ancaman IS tidak menjejaskan keselamatan dan keharmonian negara," katanya.



“  
Selain menjadi entiti pertama membuat kajian terhadap aktiviti IS, kami juga merujuk bukan saja penyelidik tempatan, malah bahagian fatwa kerajaan Arab Saudi”

**Abdul Shukor Husin,**  
Pengerusi Jawatankuasa Fatwa